Utusan Borneo: 8 Julai 2025

# Dua lelaki warga asing terlibat rompakan berkumpulan, bersenjata dipenjara 24 tahun

**MIRI:** Dua lelaki warga asing masing-masing dijatuhi hukuman penjara 24 tahun oleh Mahkamah Sesyen setelah mengaku bersalah atas dua tuduhan melakukan rompakan berkumpulan dan bersenjata.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara ke atas kedua-dua tertuduh dikuatkuasakan mulai tarikh tangkapan pada 2 Julai lalu dan dikecualikan daripada hukuman sebat memandangkan telah berusia melebihi 50 tahun.

Mahkamah turut menetapkan 5 Ogos depan sebagai tarikh pengurusan kes bagi tertuduh pertama, Ling King Ai dan tertuduh keempat, Hendra yang mengaku tidak bersalah atas tuduhan itu.

Sementara menunggu tarikh itu, kedua-dua tertuduh yang tidak ditawarkan jaminan diperintahkan supaya ditahan lanjut di bawah Seksyen 259 Kanun Prosedur Jenayah.

Ling, 57, dari Jalan Sena, Lutong; Jaya Kurniawan (52), Syamsul Ariffin (55) dan Hendra, 38, ketiga-tiganya dari Indonesia telah didakwa atas dua tuduhan di bawah Seksyen 395 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 397 kanun yang sama.

Mengikut kesalahan ini, mereka boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda serta sebat jika sabit kesalahan bagi setiap tuduhan dihadapi.

Berdasarkan kes pertama, kedua-dua tertuduh yang bersenjatakan parang, pemutar skru dan alat pemotong didapati telah melakukan rompak berkumpulan dengan merompak seorang lelaki warga emas dan melarikan wang tunai RM3,900.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 7.55 malam, 13 Jun lalu di sebuah rumah di Jalan Hainan Hillstone 4 di sini.

Manakala dalam kes kedua, mereka didapati telah merompak seorang lelaki berusia 38 tahun dan melarikan wang tunai berjumlah RM18,700.

Semasa melakukan rompakan, mereka turut bersenjatakan parang, pemutar skru dan alat pemotong.

Kesalahan itu didakwa dilakukan mereka pada jam 4 pagi, 19 Jun lalu di sebuah rumah di Taman Viana, Jalan Bakam dekat sini.

Setelah mendengar pengakuan bersalah dan rayuan kedua-dua tertuduh, keterangan fakta kes, berat kesalahan yang dilakukan mereka serta mengambil kira kepentingan awam, mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara masing-masing 12 tahun bagi kes pertama dan kedua.

Mahkamah memerintahkan kedua-dua hukuman itu berjalan secara berurutan dan akan dirujuk ke Jabatan Imirgresen untuk tujuan pengusiran setelah selesai menjalani hukuman penjara kelak.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya David Bakit Nuing di hadapan Hakim Afidah Abdul Rahman.

Manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam bela.